

ANALISIS ISU-ISU SYARIAH DALAM PELABURAN SAHAM *AN ANALYSIS OF SHARIAH ISSUES IN STOCK INVESTMENT*

Muhammad Muhsin Suhaimi¹, Mohd Aiman Barudin¹, Nurul Athirah Mohd Azmi²

¹ Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS)

² Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS)

Abstrak

Urus niaga saham merupakan satu aktiviti pelaburan yang penting dalam sistem kewangan moden, di mana individu dan institusi membeli serta menjual pegangan ekuiti dalam syarikat tersenarai. Aktiviti ini bukan sahaja memainkan peranan dalam menjana keuntungan kepada pelabur, malah turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui pengumpulan modal. Walau bagaimanapun, dalam konteks kewangan Islam, urus niaga saham menimbulkan beberapa persoalan dari sudut syariah, terutamanya berkaitan dengan pemilihan syarikat yang patuh syariah, unsur riba, gharar dan maisir serta amalan spekulasi berlebihan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis isu-isu syariah yang wujud dalam urus niaga saham bagi memastikan aktiviti pelaburan ini selaras dengan prinsip-prinsip Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah deduktif berpandukan kerangka prinsip-prinsip syariah iaitu larangan riba, gharar dan maisir. Kajian ini mendapati bahawa pelaburan saham yang patuh syariah dapat memberikan manfaat ekonomi kepada masyarakat Islam, namun ia memerlukan penelitian yang mendalam terhadap sumber pendapatan syarikat yang masih lagi terdapat sumber-sumber tidak patuh syariah dalam pelaburan saham. Kesimpulannya, usaha berterusan daripada pihak Kerajaan, pemain industri saham, pihak-pihak berkepentingan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta orang ramai melibatkan pelabur Muslim amat penting bagi memastikan kesinambungan pelaburan saham patuh syariah terus meningkat dan menjadi dominan di pasaran saham tempatan.

Kata kunci: pelaburan, saham, patuh syariah, halal dan haram.

Abstract

Share trading is a significant investment activity in the modern financial system, whereby individuals and institutions buy and sell equity holdings in listed companies. This activity not only plays a role in generating returns for investors but also contributes to national economic growth through capital accumulation. However, within the context of Islamic finance, share trading raises several Shariah-related concerns, particularly regarding the selection of Shariah-compliant companies, the elements of riba (interest), gharar (uncertainty), and maisir (gambling), as well as excessive speculative practices. Therefore, this study aims to analyse the Shariah issues inherent in share trading to ensure that such investment activities are aligned with Islamic

Perkembangan Artikel

Diterima: 28 Mac 2025

Disemak: 7 April 2025

Diterbit: 28 April 2025

*Corresponding Author: Nurul Athirah Mohd Azmi, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.

Email:

nurulathirah@unipsas.edu.my

principles. This research employs a qualitative approach using the deductive method, guided by the Shariah principles of prohibiting riba, gharar, and maisir. The study finds that Shariah-compliant equity investments can offer economic benefits to the Muslim community; however, careful scrutiny is required, particularly concerning company income sources, as non-compliant elements still exist in share investments. In conclusion, continuous efforts from the government, stock market players, relevant stakeholders such as the Securities Commission Malaysia, and the general public—especially Muslim investors—are crucial to ensure the sustained growth and dominance of Shariah-compliant investments in the local stock market.

Keywords: *investment, shares, shariah compliant, permissible and prohibited.*

PENDAHULUAN

Pasaran saham adalah salah satu instrumen dan platform utama yang digunakan dalam bidang pelaburan bukan sahaja di Malaysia, bahkan aktiviti pelaburan di seluruh dunia (Nor *et al.*, 2012). Umat Islam turut terlibat secara aktif dalam pasaran ini kerana potensi keuntungan yang tinggi. Walau bagaimanapun, pelaburan saham menimbulkan persoalan tentang sejauh mana ia mematuhi prinsip syariah, terutamanya dari segi status halal dan haram menurut perspektif syariah (Ghani, 2013). Terdapat banyak syarikat yang disenaraikan di bursa saham, namun tidak semua aktiviti perniagaan mereka selaras dengan tuntutan Islam. Oleh itu, penting untuk memahami hukum saham menurut perspektif syariah bagi memastikan pelaburan yang dilakukan tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam (Hussin, 2003).

Dalam konteks Malaysia, proses penapisan saham patuh syariah dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (MPS-SC) (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2021). Kriteria utama melibatkan dua aspek utama iaitu yang melibatkan aktiviti perniagaan yang harus bebas daripada aktiviti haram seperti perjudian, riba dan aktiviti yang menyalahi etika Islam. Tambahan lagi, aspek lain seperti keadaan kewangan yang berkaitan dengan nisbah kewangan syarikat juga dinilai untuk memastikan tiada ketergantungan yang tinggi terhadap riba, seperti nisbah hutang konvensional terhadap ekuiti (Bahaludin dan Jaaman, 2013). Berkenaan dengan hal ini, terdapat kajian lepas yang menyatakan bahawa kriteria penapisan syariah ini telah meningkatkan keyakinan pelabur Muslim terhadap pasaran saham tempatan, menjadikan Malaysia antara peneraju pasaran modal Islam global (Mohamad dan Rahman, 2016).

Di Malaysia, sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk majoriti Muslim, saham patuh syariah popular disebabkan beberapa faktor melibatkan permintaan daripada pelabur Islam lantaran terdapat permintaan tinggi untuk pelaburan yang selaras dengan syariah (Hussin dan Muhammad, 2011). Selain daripada itu, terdapat sokongan yang kuat daripada Kerajaan Malaysia yang menyediakan infrastruktur kewangan Islam yang kukuh, termasuk Bursa Malaysia-i, iaitu platform perdagangan khusus untuk sekuriti patuh syariah, dana Islamik yang disediakan oleh banyak institusi kewangan menawarkan dana unit amanah dan produk pelaburan patuh syariah disamping senarai saham patuh syariah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan boleh diakses oleh pelabur untuk rujukan (Abdul-Rahim *et al.*, 2016). Tambahan lagi, etika pelaburan melibatkan saham patuh syariah ini sering menarik pelabur bukan Islam kerana ia melibatkan pelaburan dalam sektor yang lebih beretika dan berprinsip.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis isu-isu syariah dalam pelaburan saham dan kategorinya yang diamalkan di Malaysia berserta kupasan dalil-dalil syariah berkaitan pelaburan saham dalam konteks umat Islam.

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kepada dapatan kajian-kajian yang lepas berkenaan dengan isu ini dalam konteks di Malaysia, beberapa kajian telah menilai perbezaan prestasi antara saham patuh syariah dan saham konvensional. Contohnya, saham patuh syariah cenderung lebih stabil dalam tempoh ketidakpastian pasaran kerana pelaburan mereka yang berhati-hati dan beretika (Yusof dan Majid, 2007). Selain itu, saham patuh syariah di Malaysia menunjukkan prestasi kompetitif, terutamanya dalam sektor teknologi dan perkhidmatan kewangan Islam (Ahmad dan Ibrahim, 2019). Walau bagaimanapun, saham patuh syariah mungkin menghadapi cabaran seperti kekurangan kepelbagaian sektor, terutamanya dalam sektor yang dianggap sensitif menurut syariah.

Sehubungan dengan itu, jika dilihat dari aspek cabaran dalam isu semasa pelaburan saham di Malaysia, sektor yang terlibat dalam pelaburan saham dilihat tidak pelbagai dan terhad kepada sektor tertentu seperti hiburan dan perhotelan sering kali tidak memenuhi kriteria syariah, menjadikan pelabur Muslim kurang pilihan dalam pelaburan yang lebih memenuhi piawaian syariah. Dalam hal ini, terdapat juga dalam kalangan pelabur saham Muslim yang masih kurang kesedaran dan pemahaman akan kepentingan pelaburan yang patuh syariah dan risiko pelaburan dalam saham tidak patuh syariah (Razak *et al.*, 2020). Isu-isu semasa yang berlaku dalam konteks ekonomi global yang semakin mencabar telah menyebabkan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia memperkenalkan langkah-langkah untuk meningkatkan daya saing saham patuh syariah, termasuk inisiatif pasaran modal Islam seperti sukuk hijau dan wakaf korporat (Suruhanjaya sekuriti Malaysia, 2021).

Di samping itu, terdapat juga kajian yang melibatkan tentang panduan komprehensif mengenai pasaran modal Islam termasuk saham patuh syariah yang menekankan kelebihan struktur pasaran Islam dalam mengurangkan ketidakpastian pasaran (Hassan dan Mahlkecht, 2011). Isu pelaburan saham yang dibahaskan dari perspektif maqasid syariah dan perlunya penekanan kepada keselarasan dengan nilai-nilai Islam dalam pasaran moden berdasarkan kepada kajian lepas (El-Gamal, 2006). Oleh itu, saham patuh syariah di Malaysia adalah satu alternatif pelaburan yang berkembang pesat, selaras dengan nilai-nilai Islam. Walaupun terdapat cabaran tertentu seperti pilihan sektor yang terhad namun inisiatif berterusan daripada pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meningkatkan daya saing dan keyakinan pelabur terhadap saham patuh syariah. Saham patuh syariah memberi peluang kepada pelabur untuk melabur dengan tenang tanpa melanggar prinsip agama. Di sisi lain, saham tidak patuh syariah lebih sesuai bagi pelabur yang tidak mengutamakan aspek syariah. Walau bagaimanapun, pelabur Islam disarankan untuk membuat penilaian berdasarkan senarai sekuriti patuh syariah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi memastikan pelaburan mereka mematuhi garis panduan syariah Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deduktif berdasarkan analisis kandungan teks dan dokumen daripada sumber rujukan artikel ilmiah lepas, buku, resolusi syariah, kitab turath syariah dan sebagainya. Data dikumpulkan daripada sumber primer seperti al-Quran dan al-Hadis, serta sumber sekunder seperti jurnal akademik, buku, prospektus saham dan senarai sekuriti saham patuh syariah dan tidak syariah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Penilaian terhadap hukum saham dilakukan melalui kaedah istinbat hukum, iaitu proses penafsiran dalil syariah dengan merujuk kepada prinsip usul fiqah, kaedah fiqah terpakai dalam isu muamalat saham dan maqasid syariah. Selain itu, kajian ini turut menganalisis senarai sekuriti patuh syariah yang dikeluarkan oleh institusi kewangan Islam.

Selain daripada itu, antara rujukan utama dalam isu perbincangan artikel ini antaranya ialah disertasi PhD yang bertajuk *Al-As-hum wa As-Sanadat wa Ahkamuha fi Al-Fiqh Al-Islami*, Dr Ahmad Bin Muhammad al-Khalil. Artikel dan jurnal moden yang diterbitkan oleh institusi seperti Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Sarjana Fiqh Muamalat di lapangan turut dijadikan asas kajian. Berdasarkan kajian kepustakaan, ulama syariah dan fuqaha' kontemporari melalui badan fatwa di peringkat tempatan seperti keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan dunia seperti *Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali* telah membahaskan konsep saham secara mendalam dengan menilai unsur *riba*, *gharar*, *maisir* dan *maslahah* yang berkait rapat dengan prinsip syariah.

MAKSUD SAHAM

Pada asasnya, saham merujuk syer yang mewakili pemilikan dalam sesebuah syarikat. Individu yang berumur 18 tahun ke atas boleh melakukan pembelian minimum 1 'lot' yang bersamaan dengan 100 unit (Portal MyGoverment, 2025). Pemilik saham dikenali sebagai pemegang saham yang berhak menerima sebahagian keuntungan syarikat dalam bentuk dividen berdasarkan kepada prestasi syarikat berkenaan. Selain daripada itu, pemegang saham juga mempunyai hak untuk menyertai maseyuarat agung syarikat dan membuat keputusan tertentu berkaitan pengurusan syarikat. Saham boleh dibahagikan kepada beberapa kategori, termasuk saham biasa (*common stock*) dan saham keutamaan (*preferred stock*), yang mana masing-masing dengan hak dan tanggungjawab tertentu (Haron, 2014). Saham menurut perspektif syariah pula merujuk kepada instrumen pelaburan yang menggambarkan pemilikan bersama dalam sesuatu syarikat. Syarikat tersebut harus menjalankan aktiviti perniagaan yang mematuhi prinsip-prinsip syariah, iaitu bebas daripada unsur *riba*, *gharar* (ketidakpastian) dan *maisir* (perjudian). Menurut Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (2021), hanya syarikat yang lulus penapisan syariah oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) dianggap patuh syariah dan yang tidak lulus penapisan akan dikategorikan sebagai tidak patuh syariah.

KATEGORI SAHAM

Di Malaysia, saham dikategorikan kepada dua kategori utama iaitu saham patuh syariah dan saham tidak patuh syariah (Hussin dan Borhan, 2009). Pembahagian ini adalah berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kewangan dan badan penasihat syariah seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Majlis Penasihat Syariah (MPS) dalam Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Saham biasa atau common shares ini memberikan hak kepada pemegang untuk mengundi dalam

mesyuarat agung syarikat dan menerima dividen berdasarkan keuntungan syarikat. Manakala, saham keutamaan atau preferred shares pula diberikan hak keutamaan kepada pemilik untuk menerima dividen tetap tetapi tidak mempunyai hak mengundi dalam mesyuarat syarikat (Azman Mohd Noor & Muhammad Najib Abdurrahim, 2017). Selain daripada itu, terdapat juga saham yang dianggap *syubhah* dan status halalhnya tidak jelas dan diragui lantaran terdapat elemen campuran antara halal dan haram dalam operasi syarikat yang menjual saham kepada pelabur. Berikut adalah penjelasan terperinci bagi kedua-dua kategori saham patuh syariah dan tidak patuh syariah seperti yang dinyatakan di bawah.

1. Saham patuh syariah atau halal

Saham yang mematuhi prinsip syariah, iaitu bebas daripada unsur *riba*, *gharar*, *maisir* dan perniagaan haram. Saham patuh syariah merujuk kepada sekuriti atau saham yang aktivitiinya tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah seperti yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (SC). Kriteria dan garis panduan bagi penentuan patuh syariah melibatkan dua aspek utama melibatkan perihal aktiviti perniagaan dan penilaian kewangan (Hussin dan Borhan, 2009). Aktiviti syarikat mestilah tidak melibatkan perkara-perkara berikut yang diharamkan dalam Islam dan mempunyai ciri-ciri yang bertentangan dengan aktiviti-aktiviti syarikat yang mengamalkan saham tidak patuh syariah. Penilaian syariah dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) dua kali setahun (Mei dan November) (Sekuriti, 2006). Berkenaan dengan penilaian syariah ini, syarikat juga perlu memenuhi piawaian kewangan tertentu untuk dianggap patuh syariah seperti had nisbah hutang berasaskan faedah atau berbentuk riba kepada jumlah aset atau ekuiti mestilah di bawah paras tertentu yang ditetapkan oleh SC. Selain itu, jika terdapat pendapatan dari sumber tidak halal, ia mesti berada dalam had minimum yang dibenarkan. Pendapatan tersebut juga perlu disucikan melalui kaedah purifikasi dan disalurkan kepada pihak baitulmal. Dalam perihal akaun pelaburan dan simpanan, tidak boleh bergantung kepada instrumen kewangan yang menghasilkan faedah. Syarikat yang patuh syariah akan disenaraikan dalam Senarai Sekuriti Patuh Syariah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2021).

2. Saham tidak patuh syariah atau haram

Saham tidak patuh syariah adalah saham atau sekuriti syarikat yang menjalankan aktiviti yang tidak sejajar dengan prinsip syariah sama ada dari segi perniagaan teras atau struktur kewangan sesebuah syarikat atau entiti kewangan (Hussin dan Borhan, 2009). Saham yang berkaitan dengan aktiviti haram yang jelas dilarang dalam Islam seperti perjudian, konvensional berasaskan faedah, kasino, kelab malam, riba, penjualan haiwan ternakan khinzir besar-besaran, perkhidmatan pinjaman wang berlesen dan pengeluaran produk minuman alkohol atau bir, tidak mematuhi had nisbah kewangan yang ditetapkan oleh badan penasihat syariah dan juga tidak mengambil kira isu pemurnian pendapatan (purifikasi) untuk elemen haram dalam operasi mereka. Menurut Badan Penasihat Syariah Malaysia, pelabur Muslim dilarang melabur dalam saham tidak patuh syariah kerana ia melibatkan transaksi yang dilarang dalam Islam (Sekuriti, 2006). Walau bagaimanapun, bagi situasi tertentu seperti pelaburan yang tidak disengajakan dalam saham tidak patuh syariah, garis panduan pengeluaran (*cleansing process*) telah ditetapkan (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2021).

KHILAF PERBAHASAN ULAMA DALAM PENENTUAN HUKUM SAHAM

Islam adalah agama yang *syumul* iaitu agama yang ajarannya meliputi pelbagai aspek kehidupan, ia adalah agama ibadat, undang-undang moral, sosial, ekonomi dan politik yang bertujuan untuk merealisasikan kebahagiaan individu dan masyarakat di dunia dan seterusnya kehidupan akhirat (al-Saqqar, n.d). Maka Allah SWT telah membenarkan kenyataan ini di dalam surah al-Maidah ayat 3 yang bermaksud: *“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu.”*

Allah SWT telah menjelaskan di dalam ayat ini bahawa ajaran Islam telah lengkap di zaman nabi Muhammad SAW, maka segala permasalahan dan isu yang dihadapi masyarakat Islam sepanjang zaman telah dijelaskan penyelesaian dan hukumnya di dalam sumber wahyu iaitu al-quran dan as-sunnah sama ada secara zahir atau makna (tidak dijelaskan secara terus tetapi dasar hukumnya wujud). Maka menjadi tanggungjawab ulama sepanjang zaman untuk mengkaji dan menjelaskan kepada orang awam segala isu yang muncul dalam era kontemporari supaya amalan masyarakat Islam tidak terpesong dari syariat Islam dan perintah Allah SWT dan Rasulnya.

Seperti sedia maklum, isu saham adalah isu fiqh semasa yang tidak diperjelaskan hukumnya secara zahir di dalam al-quran mahupun hadis, maka ulama-ulama kontemporari diwajibkan untuk menyelidik dan meneliti secara mendalam tentang isu ini supaya masyarakat awam dapat menjalankan aktiviti muamalat berlandaskan syariat Islam yang benar. Setelah penulis melakukan kajian terhadap pendapat yang wujud dalam isu saham, penulis mendapati bahawa terdapatnya khilaf dalam kalangan ulama tentang penentuan hukumnya. Khilaf tersebut terbahagi kepada dua pendapat utama, iaitu:

1. Saham adalah haram dan melanggar kehendak syariah

Syeikh Mustafa al-Adawi (2012) berpandangan bahawa urus niaga berkaitan saham adalah haram. Hal ini adalah kerana wujudnya gharar (ketidak pastian) dalam urus niaga tersebut. Beliau

menjelaskan bahawa harga sebenar setiap lot saham tidak dapat dipastikan oleh pembeli. Syarikat yang bertanggungjawab menjual saham tersebut boleh menentukan nilai saham sesuka hati mereka dan melakukan kezaliman terhadap pembeli atas kejahilan tersebut, hujah ini telah mendorongnya untuk menghasilkan pandangan atau ijtihad bahawa saham itu haram.

Syeikh Ali as-Salusi (n.d) pula mengharamkan saham atas dasar perkongsian dan penyertaan terhadap syarikat yang terlibat dengan riba atau aktiviti haram. Beliau mengklasifikasikan saham dalam pasaran kepada tiga kategori iaitu:

- a) Saham syarikat yang aktiviti halalnya halal dan tidak berurusan dengan riba.
- b) Saham syarikat yang aktiviti halalnya halal tetapi berurusan dengan riba.
- c) Saham syarikat yang aktiviti halalnya haram.

Beliau berpandangan bahawa syarikat yang jelas melakukan aktiviti perniagaan yang haram maka sudah tentu sahamnya juga haram. Sama ada aktiviti haram tersebut mewakili sepenuhnya atau hanya sebahagian daripada keuntungan syarikat maka hukumnya adalah haram. Maka jenis syarikat b. dan c. diatas telah difatwakan sebagai haram. Seterusnya, yang berbaki hanyalah jenis saham syarikat yang aktiviti halalnya halal dan tidak berurusan dengan riba. Beliau berpandangan bahawa, walaupun aktiviti perniagaan syarikat ini halal namun broker bagi syarikat dalam bursa telah melakukan *musyarakah* (perkongsian) atau kerjasama dengan syarikat yang melakukan aktiviti haram terbabit maka kerjasama ini telah menjadikan broker tersebut bersubhat dengan syarikat yang haram. Hasilnya, mana-mana syarikat yang bekerjasama dengan broker tersebut juga telah dianggap bekerjasama dengan syarikat yang haram menjadikan pembelian saham daripada syarikat jenis a. juga haram. Maka secara umumnya, dapatlah disimpulkan bahawa Syeikh Ali as-Salusi mengharamkan kesemua jenis urus niaga saham tanpa pengecualian.

Tambahan pula, Syeikh Muhammad al-Hassan Walid al-Dido al-Shanqiti, seorang ulama terkemuka yang juga memegang jawatan sebagai Timbalan Presiden Kesatuan Ulama Muslim Antarabangsa, turut menyatakan pendapat bahawa urus niaga saham adalah dilarang dalam Islam. Beliau berhujah bahawa transaksi saham tidak memenuhi prinsip-prinsip asas syariat Islam dan mengandungi pelbagai unsur yang bertentangan dengan hukum Islam. Dalam memperkuat pandangannya, beliau mengemukakan enam sebab utama sebagai asas kepada pengharaman tersebut, iaitu saham menjalankan dua urus niaga dalam satu akad, pertukaran yang tidak jelas (الصرف المجهول), urus niaga pertukaran yang ditangguhkan (الصرف المؤجل), urus niaga yang melibatkan hutang (بيع الدين), *jahalah* (kekaburan), *gharar* (ketidakpastian) dan wujudnya unsur perjudian (*qimar*).

Maka dapatlah disimpulkan disini bahawa ulama-ulama yang berpandangan bahawa urus niaga saham adalah haram kerana sifat-sifat saham itu sendiri termasuk *gharar* (ketidakpastian) dan *jahalah* (kekaburan) dalam harga dan maklumat, penglibatan syarikat dalam *riba* atau aktiviti haram, serta unsur perjudian (*qimar*) akibat spekulasi tinggi. Saham juga dikritik kerana melibatkan pertukaran yang tidak jelas (الصرف المجهول), pertukaran tertangguh (الصرف المؤجل), jual beli hutang (بيع الدين) tanpa memenuhi syarat syarak, serta menjalankan dua urus niaga dalam satu akad. Semua faktor ini menyalahi prinsip keadilan dan ketelusan dalam transaksi Islam.

2. Saham adalah harus dan menepati kehendak syariah

Saham adalah satu urus niaga yang memenuhi kehendak syarak dan diharuskan amalannya selagi mana aktiviti perniagaan syarikat pengeluar saham tersebut tidak terlibat dengan perkara-perkara yang haram. Itulah apa yang diputuskan oleh Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali (1992) dalam

keputusan No: 63 (7/1). Majlis juga menjelaskan bahawa terdapat tiga jenis syarikat dalam pasaran kewangan iaitu:

- a. Merujuk kepada kaedah yang mengatakan bahawa asas dalam bermuamalat itu adalah harus, maka penubuhan syarikat saham yang mempunyai tujuan dan aktiviti yang menepati kehendak syarak adalah dibenarkan.
- b. Tiada perselisihan dalam kalangan ulama mengenai pengharaman sumbangan dalam syarikat yang tujuan utamanya adalah berasaskan aktiviti-aktiviti haram, seperti berurusan dengan riba atau memproduksi barang haram atau berurus niaga dengannya.
- c. Kaedah juga mengatakan bahawa asas hukum terlibat dalam syarikat yang mempunyai aktiviti haram seperti riba dan seumpamanya secara berkala adalah haram, walaupun aktiviti perniagaan utama institusi adalah sah mengikut hukum syarak.

Maka Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali berpandangan bahawa masyarakat Islam seluruh dunia hanya boleh melakukan muamalah dengan syarikat yang disahkan bebas sepenuhnya daripada aktiviti-aktiviti haram dalam menjalankan perniagaannya. Syarikat yang suluruh atau sebahagian dari keuntungannya berasal dari sumber yang tidak patuh syarak menjadikan urus niaga dengan syarikat tersebut haram disisi Islam.

Yusuf al-Qaradawi (2024) di dalam laman web rasminya juga menjelaskan tentang 3 jenis syarikat dalam pasaran saham dan hukum bermuamalah dengannya. Namun begitu, beliau menjelaskan dengan lebih mendalam soal jenis syarikat yang halal aktiviti utamanya seperti syarikat kereta, teknologi, perdagangan umum, pertanian, perindustrian, dan lain-lain aktiviti yang harus dijalankan mengikut hukum syarak, tetapi ia mungkin terlibat dalam perkara haram melalui urus niaga yang melibatkan faedah. Maka Yusuf al-Qaradawi menjelaskan bahawa wujudnya khilaf dalam permasalahan ini. Sebahagian ulama muamalat berpendapat bahawa saham-saham ini boleh dijalankan urus niaganya masyarakat awam memerlukannya. Namun begitu kebenaran yang diberikan bukanlah bersifat mutlak melainkan ia perlu memenuhi syarat dan peraturan tertentu, antaranya:

- a) Nisbah hutang dan wang tidak boleh melebihi 50%, seperti yang ditetapkan oleh Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali. Jika melebihi, ia tidak boleh didagangkan kecuali mengikut qaedah yang dikenali sebagai bai' sorf dalam fiqh Islam. Adapun kebenaran penggunaan kaedah ini hanyalah atas dasar darurat.
- b) Nisbah hutang syarikat dan pinjamannya yang diperoleh melalui faedah tidak boleh melebihi 30%.
- c) Nisbah faedah tidak melebihi 5% atau maksimum 10%
- d) Perlunya kepada pemantauan terhadap syarikat-syarikat ini dengan teliti dan menghilangkan bahagian faedah di dalam keuntungannya atau individu yang membeli saham syarikat tersebut atas daya usahanya sendiri membersihkan hartanya daripada unsur riba yang diperoleh hasil keuntungan muamalahnya.

Dr Yusuf al-Qaradawi menerangkan bahawa inilah yang diputuskan ulama-ulama yang mengkaji bidang muamalah bagi memudahkan hidup orang Islam dalam urusan muamalah dan menjauhi kesukaran ketika berurusan dalam aktiviti ekonomi.

TARJIH ANTARA PERBEZAAN PANDANGAN DALAM KALANGAN ULAMA

Ahmad Bin Muhammad al-Khalil (2003/2004) didalam tesis Phd nya menyebutkan bahawa pandangan kebanyakan ulama kontemporari yang mengharuskan urus niaga saham adalah lebih *rajih* (lebih tepat) dalam permasalahan ini. Beliau juga berpandangan bahawa tiada bukti dapat mengatakan bahawa urus niaga saham adalah *fasad* (rosak) kerana ulama yang mengharamkan urus niaga ini tidak mempunyai hujah yang kuat berbanding ulama yang membenarkannya. Maka rentetan daripada kekuatan hujah ini, hampir keseluruhan ulama dan tokoh Islam moden bersepakat atas keharusannya. Kesannya, pendapat yang mengharamkan saham dianggap sebagai pandangan yang *mahjur* (ditinggalkan). Beliau menjelaskan lagi bahawa ulama-ulama kontemparori menganggap perbezaan pandangan ini telah selesai dan keputusan yang benar adalah keharusan jual beli saham dalam syariah Islam. Maka antara dalil yang digunakan ulama termasuklah:

- a) Saham termasuk dalam kategori akad *syarikah* (perkongsian) antara syarikat pengeluar saham dan pembeli saham. Dalil bagi pensyariatan akad ini wujud dalam al-quran, hadis dan Ijma. Antara ayat al-quran yang menjadi dalil pensyariatan adalah surah al-Ma'idah ayat 1 yang bermaksud: "Dan sesungguhnya kebanyakan dari orang yang bersyarikat itu sebagian dari mereka berbuat zalim kepada sebagian lain, kecuali orang yang beriman dan mengerjakan amal shaleh; dan amat sedikitlah mereka ini".
- b) Kaedah feqah menyebutkan Al-aslu fi al-'uqud wa al-shurut al-ibahah, ma lam yaqum dalil 'ala al-tahrim (asal hukum sesuatu aqad dan syarat itu adalah harus, sehingga datang dalil yang mengharamkannya). Kaedah ini jelas menunjukkan bahawa hukum saham itu kembali kepada asal hukum muamalah iaitu harus kerana tiada dalil dari al-quran atau hadis yang melarang bentuk urus niaga ini secara *qat'i*.
- c) Urus niaga saham didapati tidak bertentangan dengan akad *syarikah* malah pengharusan urus niaga ini adalah atas dasar memudahkan urusan umat Islam dan mengangkat kesukaran (رفع للحرَج) yang menjadi antara maqasid syariah (tujuan syariah) dalam muamalat.

Justeru itu, bersandarkan hujah-hujah diatas, Ahmad Bin Muhammad al-Khalil telah mentarjihkan keharusan jual beli saham daripada keharamannya.

ISU-ISU TERPILIH BERKAITAN SAHAM

1. Isu pembayaran zakat

Merujuk kepada Syeikh Salih bin Zabin al-Marzouqi al-Buqmi (2021/2022) hampir berlaku ijma (kesepakatan) dalam kalangan ulama tentang kewajipan membayar zakat bagi pemilikan aset saham. Namun begitu ulama kontemporari berbeza pandangan tentang siapa yang diwajibkan pembayaran zakat itu. Pandangan ulama dalam isu ini terbahagi kepada tiga, iaitu;

- a) **Zakat diwajibkan keatas setiap individu yang mempuyai aset saham untuk membayarnya** dan hendaklah dia atas daya usahanya sendiri untuk melakukan pembayaran tersebut, ini adalah pandangan yang dikeluarkan oleh Majma' al-Buhuth al-Islamiah dan syeikh Ramadhan al-Buti.
- b) **Zakat diwajibkan keatas setiap individu yang mempuyai aset saham untuk membayarnya. Namun, tanggungjawab pembayaran zakat tersebut terletak pada syarikat pengeluar saham setelah keuntungan diperoleh.** Pandangan ini terbina atas dasar campuran dalam zakat saham (الخلطة في زكاة الأسهم). Dasar ini menjelaskan bahawa sekiranya

keuntungan daripada saham itu dibahagikan tanpa pembayaran zakat terlebih dahulu, maka nisabnya tidak akan mencukupi menyebabkan tiada zakat yang dapat dikeluarkan. Sedangkan pada asalnya, keuntungan syarikat dan pemilik saham telah mencapai nisab. Justeru, syarikat perlu membayar zakat bagi pihak pemegang saham sebelum mengagihkan keuntungan tersebut. pandangan ini dikeluarkan oleh Majma' al-Fiqh al-Islami di jeddah dan Dr. al-Siddiq Muhammad al-Amin al-Darir.

- c) **Zakat diwajibkan keatas syarikat pengeluar saham bukan keatas individu.** Terbinanya pandangan ini atas dasar syarikat itu adalah satu entiti tersendiri yang memperoleh keuntungan hasil perkongsian dengan pemilik saham maka syarikatlah yang perlu membayar zakat bukan pemilik saham. Pandangan ini dihasilkan di Mu'tamar zakat yang pertama di kuwait disamping ia juga pandangan Dr. Wahbah az-Zuhaili.

Daripada sudut pengaplikasian pula, fatwa yang telah diwartakan oleh Pentadbiran Agama Islam negeri selangor (2011) menjelaskan bahawa zakat saham wajib dikeluarkan oleh pihak syarikat persendirian atau koperasi berdasarkan prinsip *khultoh* (harta bercampur). Walau bagaimanapun, sekiranya pihak syarikat tidak menunaikan kewajipan zakat, maka tanggungjawab tersebut berpindah kepada individu pemilik saham.

2. Isu permasalahan *gharar* dalam saham

Setelah dikaji perbezaan pandangan dalam kalangan ulama tentang penentuan hukum saham. Penulis mendapati bahawa isu *gharar* sering menjadi hujah dalam pengharaman jual beli saham. Maka, perbincangan yang lebih terperinci dilihat perlu bagi menjelaskan isu ini.

Gharar dari sudut istilah bahasa arab bermaksud risiko atau bahaya (الخطر), tipu daya (خدعة), dan kejahilan (جاهل) (al-Fuyumi, n.d). Ia juga bermaksud sesuatu yang memiliki penampilan zahir yang menarik pembeli tetapi isi atau hakikatnya tidak diketahui (Ibn Manzur, 1993/1994). Manakala dari sudut istilah syarak pula, *gharar* bermaksud sesuatu yang tidak jelas akibatnya, dan ianya terdapat pada sesuatu yang tidak dilihat (as-Sarakhsi, n.d). As-Sarakhsi menjelaskan lagi bahawa pembelian tanpa melihat produk yang dibeli adalah jual beli *gharar* kerana dengan melihat sesuatu produk, pembeli boleh mengetahui nilai sebenar produk tersebut berdasarkan kelebihan atau kecacatannya. Maka jual beli janin dalam perut binatang mengandung adalah haram kerana wujud padanya *gharar* (ketidak pastian) sama ada apabila janin itu lahir dia akan hidup atau mati, sempurna tubuhnya atau cacat dan sebagainya.

Fuad bin Sawari (2023), menjelaskan empat syarat *gharar* yang membatalkan sesuatu urusan niaga iaitu:

1. **Hendaklah *gharar* itu berat:** *gharar* terbahagi kepada tiga jenis; Pertama: *gharar* yang berat (غرر كثير) dalam sesuatu urusan niaga sehingga membawa kepada perbalahan dalam kalangan masyarakat seperti menjual sesuatu yang tidak wujud atau sesuatu yang majhul (tidak diketahui hakikat sebenarnya). Maka Ijma' ulama mengharamkannya. Kedua: *gharar* yang ringan (الغرر اليسير), iaitu *gharar* yang tidak menyebabkan perbalahan dalam kalangan Masyarakat. Ulama juga ber'ijma atas keharusannya. Ketiga: *gharar* yang sederhana (الغرر المتوسط). Ulama menghukumkan jenis *gharar* ini berdasarkan kesannya. Sekiranya kesederhanaan *gharar* jenis ini menghampiri *gharar* yang berat maka hukumnya haram. Dan jika kesederhanaannya menghampiri *gharar* yang ringan maka hukumnya harus. Dalam pasaran saham, *gharar* terjadi kerana tiada penyerahan barang dalam urusan jual beli. Saham diniagakan tanpa penyerahan aset kepada pembeli. (Itana, 2022) walaupun urusan niaga barang

yang tiada (*Bai'Ma'dum*) termasuk dalam *gharar* namun urus niaga saham tanpa penyerahan barang sudah menjadi uruf (adat) dalam urusniaga dunia saham hari ini sehingga penyerahan barang bagi setiap jual beli saham dalam sesebuah negara dianggap tidak efektif apatah lagi pembelian saham antarabangsa. Maka penulis berpendapat bahawa *gharar* urus niaga barang yang tiada (*Bai'Ma'dum*) dalam pasaran saham adalah *gharar* yang ringan dimana ia tidak menyebabkan perbalahan dalam kalangan mereka yang terlibat dalam pasaran saham malah memudahkan urusan penjual dan pembeli.

2. **Hendaklah *gharar* itu dalam akad jual beli bukan akad derma:** sekiranya penerima derma atau hadiah tidak mengetahui spesifikasi barangan yang diterimanya itu, maka *gharar* tersebut tidak akan membatalkan akad tersebut. Hal ini kerana tiada perbalahan yang muncul akibat *gharar* tersebut. Sebaliknya *gharar* akad jual beli akan menyebabkan perbalahan kerana pembeli membayar harga barangan namun barangan tersebut tidak seperti sangkaannya.
3. **Hendaklah *gharar* dalam akad itu asal bukan *tabi'*(sampingan):** syarat ini berdasarkan kaedah feqah *Yughtafaru fi al-tabi'i ma la yughtafaru fi al-asli*. (Dimaafkan pada perkara sampingan apa yang tidak dimaafkan pada perkara yang menjadi pokok). Kaedah ini menerangkan bahawa *gharar* pada barangan yang hendak dibeli akan membatalkan akad tersebut, namun jika *gharar* itu pada perkara sampingan maka harus akad tersebut. Contohnya, haram jual beli anak lembu yang masih dalam perut ibunya atas dasar *gharar* pada asal (tujuan pembelian) kerana mungkin anak lembu tersebut cacat atau mati dalam kandungan. Sebaliknya jika seekor lembu yang mengandung dijual beli maka hukumnya harus kerana *gharar* itu pada *tabi'* (anak lembu dalam janin) sedangkan tiada *gharar* pada *asal* (ibu lembu). Urus niaga saham adalah pembelian terhadap pemilikan syarikat seperti yang diterangkan sebelum ini maka itu adalah *asal*. Kemudian ketidak pastian pada keuntungan atau kerugian syarikat hanyalah *tabi'* kepada pembelian saham tersebut. Itu adalah risiko dalam musyarakah (perkongsian) antara syarikat dan pembeli saham.
4. **Hendaklah *gharar* itu bukan pada perkara yang diperlukan dalam hidup manusia:** syarat ini juga dibina atas kaedah fiqh iaitu *Al-hajah al-'ammah tanzilu manzilat al-darurah* (Keperluan umum dianggap setara dengan darurat). Kaedah ini menjelaskan bahawa keperluan yang mustahak dalam hidup manusia akan membawa kepada perubahan hukum seperti darurat. Dan maksud keperluan (*Al-hajah*) ialah apa yang dengan ketiadaannya dalam muamalat akan menyebabkan kesusahan dan kepayahan kepada manusia dan sangat sukar dijaui penggunaannya. Tetapi tidaklah ketiadaannya akan membawa kepada kebinasaan. Dalil keharusan kaedah ini ialah Rasulullah SAW mengharuskan bai' araya kerana masyarakat mempunyai keperluan yang mustahak padanya. Maka tidak dapat dinafikan bahawa pasaran saham merupakan salah satu pasaran modal yang penting dalam sesebuah negara, keperluan masyarakat kepadanya dalam urusan muamalah tidak dapat dinafikan. Oleh sebab itu, *gharar* yang muncul dalam urusan jual beli saham tidak dapat membatalkan akad dan muamalah ini adalah sah di sisi syarak.

Kesimpulannya, berdasarkan empat syarat yang dijelaskan Fuad bin Sawari diatas, kajian berpandangan bahawa tiada syarat *gharar* yang dipenuhi oleh sesuatu akad dalam urus niaga saham menjadikan urus niaga saham bebas daripada *gharar* secara umumnya. Namun begitu, para pelabur Muslim hendaklah meneliti perincian syarikat yang hendak dilabur kerana ketiadaan *gharar* dalam sistem pasaran saham tidak menjadikan setiap syarikat yang wujud didalamnya juga bebas daripada unsur *gharar*.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa saham yang patuh syariah adalah instrumen kewangan yang dibolehkan dalam Islam, selagi ia memenuhi prinsip-prinsip syariah. Oleh itu, pelabur Muslim wajib memastikan pelaburan mereka bebas daripada unsur haram seperti *riba*, *gharar* dan *maisir*. Kesedaran dan pemahaman tentang prinsip halal dan haram dalam saham amat penting bagi memajukan ekonomi umat Islam secara beretika dan berlandaskan syariah di samping membawa kepada keberkatan dan masalah kepada ummah. Penyelidikan lanjutan perlu dilakukan untuk mengatasi cabaran semasa dalam pasaran saham patuh syariah di Malaysia.

Pelaburan saham merupakan salah satu cara untuk mengembangkan ekonomi umat Islam. Namun, ia harus dilakukan dengan penuh tanggungjawab dan mematuhi prinsip syariah. Berdasarkan analisis, pelaburan saham patuh syariah memberikan peluang kepada umat Islam untuk memperoleh keuntungan secara halal. Namun, terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang pelaburan saham agar umat Islam tidak terjebak dalam aktiviti yang haram. Institusi kewangan Islam memainkan peranan penting dalam menyediakan panduan dan platform pelaburan yang patuh syariah di samping memberikan pendidikan kepada pelabur muslim untuk bertanggungjawab kepada pelaburan mereka supaya sesuai dengan landasan fiqh muamalat yang disaring dengan kawalan syariah. Oleh yang demikian, saham dilihat mempunyai potensi yang besar untuk dimanfaatkan oleh umat Islam tetapi mestilah mematuhi kriteria kerangka dan piawaian syariah. Oleh itu, pelabur Muslim khususnya di Malaysia digalakkan untuk terus merujuk kepada pihak yang berkuasa dalam pasaran modal Islam melibatkan aspek pasaran saham sebelum membuat apa-apa keputusan melibatkan pelaburan daripada aset pelabur sendiri.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul-Rahim, R., Taqiyaddin-Arizan, A., & Mohd-Nor, S. (2016). Analisis teknikal dan implikasinya terhadap kecekapan pasaran saham di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 48(1), 3-20.
- Ahmad, S., & Ibrahim, H. (2019). The Performance of Shariah-Compliant Stocks in Malaysia. *Journal of Islamic Finance*, 10(1), 23-36.
- Azman Mohd Noor & Muhammad Najib Abdurrahim. (2017). Saham Keutamaan: Suatu Dilema antara Hutang atau Ekuiti. *Jurnal Muamalat*, Bil. 10, 102-124.
- Bahaludin, H., & Jaaman, S. H. (2013). Peta pasaran saham Malaysia. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 9(2), 27-36.

- Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Bin Abd. Wahid. (2011). Hukum Zakat Pelaburan Saham. Warta Kerajaan Negeri Selangor, Jil.64, No.7.
- El-Gamal, M. A. (2006). *Islamic finance: Law, economics, and practice*. Cambridge University Press.
- Ghani, H. B. A. (2013). Saham Wakaf Menurut Perspektif Islam; Ke Arah Pelaksanaannya Di Negeri Kelantan. *Jurnal KIAS*, 8(1), 229-254.
- Haron, M. S. (2014). Saham: Isu Dan Permasalahannya Dalam Konteks Malaysia.
- Hassan, A., & Mahlknecht, M. (2011). *Islamic Capital Markets: Products and Strategies*. John Wiley & Sons.
- Hussin, M. Y. M. (2003). Hubungan Kemeruapan Antara Pembolehubah Makroekonomi, Pasaran Saham Islam dan Konvensional di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 11(2), 1-10.
- Hussin, M. Y. M., & Borhan, J. T. (2009). Analisis perkembangan pasaran saham Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(3), 431-456.
- Hussin, M. Y. M., & Muhammad, F. (2011). Analisis perkembangan bursa malaysia dan pasaran saham Islam di Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 65-80.
- Maghfira & Yuniarti Hidayah Suyoso Putra. (2023). Technical Analysis: Penny Stock Manipulation Company Share Listed on the Indonesian Sharia Stock Index in 2022. *Journal of Economics, Finance and Management Studies*, Volume 06 Issue 07.
- Mohamad, M., & Rahman, A. (2016). Screening Criteria for Shariah-Compliant Stocks: The Malaysian Experience. *Islamic Capital Market Review*, 4(2), 15-28.
- Nor, A. H. S. M., Kogid, M., Sarmidi, T., & Isa, Z. (2012). Kesan Kemeruapan Kadar Pertukaran ke atas Pasaran Saham di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(2), 141-157.
- Portal MyGoverment. (2025). <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/31012?language=my>
- Razak, R., Saad, N., & Zainal, N. (2020). Awareness of Shariah-Compliant Investments in Malaysia. *Asian Journal of Finance*, 12(3), 45-60.
- Sekuriti, M. P. S. S. (2006). *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Suruhanjaya Sekuriti.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2021). *Islamic Capital Market Annual Report 2021*. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- Tuah Itona. (2022). Praktik Gharar Dan Maisir Era Modern. Muamalat : Jurnal Kajian Hukum Ekonomi Syariah, Volume 06 Issue 07
- Yusof, R. M., & Majid, M. S. A. (2007). Stock Market Volatility and Macroeconomic Variables in Islamic Capital Market: Experience from Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 2(1), 45-58.

منقذ بن محمود السقار (د.ت)، تعرف على الإسلام، رابطة العالم الإسلامي-مكة المكرمة، ص 44

الدكتور علي بن أحمد السالوس (د.ت). ما حكم العمل في البورصة؟

<https://www.alisalous.com/Home/FatwaDetail?id=213>

د. أحمد بن محمد الخليل (1434هـ) الأسهم والسندات وأحكامها في الفقه الإسلامي، دار ابن الجوزي. ص

صالح بن زابن المرزوقي البقمي (1443هـ) الشامل في زكاة الأسهم واستثمار أموال الزكاة، الرياض - مكتبة

الرشد. ص 37-41. <https://shamela.ws/book/1155/23>

ابن منظور، محمد بن مكرم (1414هـ) كتاب لسان العرب، بيروت - دار صادر. ج5، ص 14.

<https://shamela.ws/book/1687/2598>

الفيومي، أحمد بن محمد (د.ت) كتاب المصباح المنير في غريب الشرح الكبير، بيروت - المكتبة العلمية. ج2،

ص 444. <https://shamela.ws/book/1687/2598>

السرخسي، محمد بن أحمد (د.ت) كتاب المبسوط، بيروت، لبنان - دار المعرفة. ج13، ص 68.

<https://shamela.ws/book/5423/2766>

الدكتور محمد فؤاد سوارى (2023) فقه المعاملات المالية، ماليزيا - الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا.، ص 56-

68.

مجمع الفقه الإسلامي الدولي (1992، مايو 14)، قرار رقم: 63 (1/7): قرار بشأن الأسواق المالية، [https://iifa-](https://iifa-aifi.org/ar/1845.html#_ftn2)

[aifi.org/ar/1845.html#_ftn2](https://iifa-aifi.org/ar/1845.html#_ftn2)

الشيخ مصطفى العدوي (2012، سبتمبر 25). هل بيع وشراء الأسهم ربا أم هذا يعتمد على البنك.

<https://www.mostafaaladwy.com/play-6547.html>

مسلم يسعى لخدمة دينه (2019، ديسمبر 17)، ما حكم بيع الاسهم - للشيخ محمد الحسن ولد الددو،

يوسف عبد الله القرضاوي (2024، ديسمبر 24)، حكم شراء الأسهم، <https://www.al->

[qaradawi.net/node/3660](https://www.al-qaradawi.net/node/3660)